

KEISTIMEWAAN DAN HIKMAH IBADAH KORBAN

Oleh: Sayyidah binti Mohamad Baseri, 1171209,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 13 Ogos 2020

Kisah pengorbanan Nabi Ibrahim a.s. diceritakan dalam al-Quran apabila baginda diperintahkan oleh Allah SWT untuk melakukan penyembelihan terhadap anak baginda, Nabi Ismail a.s.

Oleh kerana ketaatan baginda melakukan perintah-Nya, ketika baginda hampir menyembelih anaknya tiba-tiba dengan kuasa Allah SWT muncul seekor kibas.

Nabi Ismail a.s. digantikan dengan kibas tersebut untuk dijadikan korban. Peristiwa itu menandakan permulaan syariat ibadah korban.

Mengambil ibrah dari kisah Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail, ibadah korban menjadi amalan yang sangat digalakkan dan tergolong dalam amalan sunat muakkad iaitu amalan yang dituntut dalam Islam.

Tuntutan ibadat korban dilakukan pada Hari Raya Aidiladha dan hari-hari tasyrik iaitu pada 10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah dalam takwim Hijrah.

Ibadah korban dari segi ilmu fiqh disebut sebagai *tadhiyyah* yang memberi maksud binatang ternakan yang disembelih sebagai cara seseorang hamba mendekatkan dirinya kepada Allah SWT.

Selain cara mendekatkan diri, ia juga menjadi bukti tanda seseorang hamba bersyukur kepada-Nya atas nikmat yang telah diberikan sepanjang hidup di atas muka bumi.

Menurut pandangan jumhur ulama, ibadah korban adalah sunat muakkadah bagi individu yang berkemampuan.

Namun, pandangan ulama mazhab Syafie ia adalah fardu ain bagi setiap orang sekurang-kurangnya sekali seumur hidup.

Berbeza pula menurut pandangan yang masyhur dalam kalangan ulama mazhab Maliki bahawa adalah makruh meninggalkannya bagi golongan yang berkemampuan.

Manakala bagi mereka yang berniat untuk melakukan korban nazar maka hukumnya menjadi wajib untuk dilaksanakan.

Amalan yang paling afdal dilakukan pada Hari Raya Aidiladha adalah menumpahkan darah korban. Daripada Aisyah r.a., bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda, “Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Nabi Adam pada hari Al-Nahr (Hari Raya Aidiladha) yang lebih dicintai oleh Allah selain daripada menumpahkan darah (binatang korban).”

Istimewanya ibadah korban adalah ia menjadi salah satu ibadah yang agung. Kita akan diberikan pahala dan ganjaran besar di sisi Allah SWT apabila mengerjakannya.

Selain menyucikan diri dan jiwa kepada Allah, ibadah korban juga menjadi medan untuk membantu golongan fakir miskin dengan menyedekahkan daging korban kepada mereka.

Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah Al-Hajj ayat 36:

.... فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْقَانِعَ وَالْمُعْتَرَّ ۚ كَذَلِكَ سَخَّرْنَاهَا لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

“.....makanlah sebahagian daripadanya, dan berilah (bahagian yang lain) kepada orang-orang yang tidak meminta dan yang meminta. Demikianlah Kami mudahkan dia untuk kamu (menguasainya dan menyembelohnya) supaya kamu bersyukur”.

Antara keistimewaan dan hikmah dalam melakukan ibadah korban adalah kita dapat meringankan beban golongan susah dan mereka yang kurang bernasib baik.

Dengan melakukan ibadah korban, golongan kurang berkemampuan akan merasa nikmat memakan daging.

Ia juga bertujuan untuk menebus kembali dosa seseorang hamba kerana kesalahannya atau kecuaiannya dalam menjalankan sesuatu kewajiban.

Dengan mengerjakan ibadah korban, dosanya tadi digantikan dengan ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Selain itu, binatang korban yang disembelih itu akan menjadi saksi terhadap setiap amalan yang pernah kita lakukan ketika hidup di dunia pada hari akhirat nanti.

Akhir sekali, ibadah korban dilakukan untuk menghayati semangat pengorbanan, keikhlasan dan kesabaran yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s. ketika Allah SWT menguji ketaatan baginda.





